



HARTA QARUN JADI EMAS HITAM

Walau apa jolokan yang difikirkan kita kepadanya, Allah SWT memberikan laknat-Nya kepada Qarun.

OLEH DR ALIZA AHMAD

APABILA membicarakan mengenai harta karun, sudah pasti kita terbayang mengenai emas, intan, permata dan berlian berkilauan. Jika dilihat di dalam filem- Barat seperti *The Mummy*, *The Mummy Return*, *King Solomon Mines* dan *National Treasurer* menunjukkan kegilaan manusia mencari di mana tersembunyi harta karun di dunia ini. Kebanyakannya menggambarkan harta karun terletak di benua Arab. Apa yang menyebabkan orang Barat berfikiran sebegitu? Adakah mereka juga mempercayai dan mengetahui mengenai Qarun seperti yang dikatakan di dalam al-Quran.

Jika anda ke Fayoum, Mesir, pasti akan melihat sejarah serta peninggalan kekayaan hamba yang dilaknati Allah SWT yang bernama Qarun. Istilah Fayoum berasal daripada kata Baiyoum yang bererti danau

atau air. Terletak 105 kilometer dari arah selatan Kaherah, ia adalah lembah pertanian dan perkebunan subur selain terkenal dengan perkebunan mangganya yang luas. Di kota inilah lahirnya peradaban Mesir kuno dan kota Menef (ibu kota Mesir pertama pada pemerintahan Firaun) berada di sebelah utaranya. Puncak kejayaan kota ini ketika pemerintahan Firaun III dan Firaun IV. Adakah harta karun yang dicari manusia pada zaman ini, mencari harta sememangnya milik Qarun? Apabila melihat tasik Qarun di mana, di bawahnya tenggelam seluruh harta kekayaan milik Qarun, serta melihat tinggalan istana Qarun. Al-Quran ada menyebut kisah Qarun ini:

Al-Qasas [78] Qarun menjawab: *"Aku diberikan harta kekayaan ini hanyalah disebabkan pengetahuan dan kepandaian yang ada padaku. Tidakkah ia mengetahui,*

bahawa Allah telah membinasakan umat-umat sebelumnya iaitu orang yang lebih kuat daripadanya dan lebih banyak mengumpulkan harta kekayaan? Dan orang yang berdosa apabila mereka disiksa tidak lagi ditanya tentang dosa-dosa mereka.

[79] Kemudian Qarun keluar kepada kaumnya dengan perhiasannya. Berkatalah orang yang inginkan kesenangan hidup dunia: *Alangkah baiknya kalau kita ada kekayaan seperti yang didapati oleh Qarun! Sesungguhnya dia adalah seorang yang bernasib baik.*

[80] Dan berkata orang yang diberi ilmu: *Janganlah kamu berkata demikian, pahala dari Allah lebih baik bagi orang yang beriman dan beramal soleh; dan tidak akan dapat menerima pahala yang demikian itu melainkan orang yang sabar."*

Siapakah manusia yang bernama Qarun ini? Qarun Bin Yashhar, lebih dikenali sebagai sepupu Nabi Musa a.s. Namun ada juga pendapat ahli sejarah menyatakan dia bapa saudara Nabi Musa a.s. Berketurunan Bani Israel walaupun tinggal di Mesir. Beliau dikenali sebagai al-Munawwir (yang bersinar) lantaran kerana memiliki rupa paras tampan. Disebabkan kemerduan suaranya ketika membaca kitab Taurat, beliau digelar an-Nur (cahaya). Beliau terkenal di kalangan Bani Israel sebagai individu paling mahir dan cekap mengenai kitab Taurat dan juga seorang ilmuwan. Beliau sangat hebat dalam mentafsir kitab Taurat. Walau apa jolokan yang difikirkan kita kepadanya, Allah SWT memberikan laknat-Nya kepada Qarun iaitu orang kaya yang derhaka hingga ditelan bumi akhirnya.

Turut tenggelam bersamanya ialah segala harta bendanya dengan disaksikan oleh Bani Israel. Kini, bekas runtuhannya tapak



Pemandangan di sekitar Tasik Qarun.

gedung Qarun dipercayai ditukar Allah SWT menjadi sebuah tasik dan ada yang mengatakan sisa istananya masih ada di Mesir. Walau apa pun yang terjadi, nama Qarun kekal hina di dalam al-Quran di mana simbol bagi manusia bakhil yang dimurkai Allah SWT sepanjang zaman.

Qarun berkata, "Percayakah kamu semua dengan Musa itu? Siapakah dia? Kalau dia memang Nabi utusan Allah, mengapa dia biarkan kalian terus hidup melarat. Apatah lagi dia sendiri memang seorang yang miskin. Bagaimana dia dapat membantu kamu semua hanya dengan doanya saja?"

Lelaki yang bernama Qarun itu terus-terusan menghina Nabi Musa di khalayak ramai. Pandai sungguh dia bermain kata-kata sehingga ramai terpengaruh mendengarnya. Kemudian Qarun menyambung kata-katanya, "Kalian lihatlah aku. Aku ini kaya raya dan mampu hidup mewah dengan harta benda yang melimpah ruah. Apa kalian tidak mahu mengikut jejak langkahku? Adakah kalian sanggup terus hidup melarat seperti sekarang?"

Orang ramai yang mendengar tohmahan Qarun hanya terdiam. Kemudian, mereka berbisik sesama sendiri. "Ada benarnya kata Qarun itu. Sampai bila kita mahu hidup dalam belenggu kemiskinan seperti ini? Baik kita ikut Qarun. Mungkin selepas ini kita boleh jadi kaya raya sepertinya," begitulah antara kata mereka.

Selepas itu, terbahagilah kaum Nabi Musa kepada dua. Ada yang masih kuat pegangan agamanya dan ada pula yang berpaling mengikut Qarun. Mereka yang masih beriman turut berusaha menasihatkan Qarun kembali ke pangkal jalan tetapi tidak diendahkan.

"Wahai Qarun, janganlah engkau terlalu

gembira dan meninggikan diri dengan hartamu yang melimpah ruah itu. Carilah harta dengan jalan halal dan gunakan harta itu untuk jalan kebaikan. Bantulah mereka yang miskin dengan sebahagian hartamu seperti Allah telah berbuat kebaikan padamu. Moga-moga dengan cara itu, Allah akan merahmati kehidupanmu," nasihat mereka. Tetapi nasihat itu ditolak oleh Qarun dengan keras.

"Aku tidak perlu nasihat sesiapa. Tanpa kalian pun, hidupku lebih senang, kaya dan mewah. Sepatutnya akulah yang berhak menasihati kalian." Kata Qarun.

Orang ramai menyampaikan kesombongan Qarun kepada Nabi Musa. Dengan hati kecewa, Nabi Musa menadahkan tangan kepada Allah agar memberi petunjuk kepada Qarun dan tidak lagi menyesatkan orang lain. Tidak lama kemudian, turunlah perintah Allah agar orang yang kaya dan mampu supaya mengeluarkan zakat untuk dibahagikan kepada fakir miskin. Tuntutan ini diterima dengan redha oleh orang kaya beriman. Mereka menunaikan kewajipan dengan hati terbuka dan penuh keikhlasan. Sebaliknya pula bagi orang kaya yang bakhil dan derhaka.

"Mengapa harus diberikan kepada orang lain kalau kami sudah memperolehnya dengan usaha sendiri dan susah payah?" Soal mereka tidak puas hati.

Begitu juga dengan Qarun yang tetap berdegil dan enggan mengeluarkan zakat. Sehingga Nabi Musa terpaksa datang menemuinya dan berkata, "Wahai Qarun, keluarkanlah zakatmu itu. Ini adalah perintah Allah dan aku hanya menyampaikannya sebagai Nabi dan Rasul." Qarun hanya mencebik. Malah dia terus mempersendakan perintah Allah dan

menganggap semua itu hanyalah rekaan Nabi Musa.

Qarun berkata, "Baiklah Musa, aku kasihan padamu hanya kerana engkau saudara sepupu aku. Aku boleh mengeluarkan zakat. Tetapi dengan caraku sendiri. Aku akan ambil sebahagian hartaku dan biar aku yang membahagikannya sendiri untuk zakat itu." Musa yang mendengar jawapan Qarun berasa lega. Akhirnya Qarun sudah patuh pada perintah Allah. Namun, siapa tahu niat jahat yang bersarang di hati Qarun? Sepeninggalan Nabi Musa, Qarun membahagi-bahagikan hartanya kepada fakir miskin sambil memfitnah Nabi Musa.

"Dengarlah berita gembira ini. Harta ini kubahagikan untuk kalian gunakan. Tetapi jangan percaya pada ajaran Musa itu. Jauhilah dia kerana dia sebenarnya ingin mencari jalan agar dapat kaya seperti aku. Jangan percayakan Musa sebaliknya ikutlah aku."

Semakin hari, Qarun semakin berani menentang Nabi Musa. Pengikutnya semakin ramai dan hartanya pula kian melimpah-ruah. Sehingga akal jahatnya mula berbicara agar dapat mengenakan Nabi Musa. Dipanggilnya seorang pelacur dan Qarun memberi ganjaran sebanyak seribu dinar.

"Wahai pelacur. Jalankan tugasmu sekarang. Bawa cerita kepada orang ramai yang engkau sudah berzina dengan Musa. Aku akan aturkan hari dan waktunya," ujar Qarun.

Sampai waktu yang dirancang, perangkap pun dipasang. Qarun sengaja menjemput Nabi Musa supaya berucap di atas mimbar mengenai hukuman terhadap pesalah menurut undang-undang Islam.

"Sedarilah hadirin sekalian, sesiapa yang mencuri itu akan dijatuhkan hukuman potong



Istana Qarun

tangan dan sesiapa yang berzina itu akan dihukum rejam sampai mati..” begitulah antara isi ucapan Nabi Musa.

Dengan pantas, Qarun pun bangun dari tempatnya dan menyampuk, “Bagaimana jika engkau sendiri yang berbuat zina? Adakah kau juga sanggup direjam kerana aku ada bukti kesalahan yang telah kau lakukan?”

Nabi Musa sangat terkejut. Qarun pun membawa pelacur upahannya ke depan. Tetapi tatkala ingin membuat pengakuan, pelacur itu terkedu. Allah telah memberikannya petunjuk sehingga dia menukar fikirannya.

“Tidak! Aku tidak pernah berzina dengan Musa. Dia tidak mengenalku, jauh sekali ingin memandangkanku. Aku hanya seorang pelacur yang diupah untuk menipu dengan wang seribu dinar. Qarunlah yang berbohong dan berniat untuk memfitnah Musa,” ujar pelacur itu tanpa ragu-ragu.

Nabi Musa lantas datang kepada Qarun dan meminta pengakuannya pula. Sambil berdolak-dalik, Qarun menafikan, malah mengutuk Nabi Musa. Tidak berdaya menasihati Qarun yang keras hati itu, Nabi Musa berdoa kepada Allah SWT agar dia diberikan petunjuk. Ketika itu, turunlah wahyu agar Nabi Musa dan pengikutnya meninggalkan tempat Qarun. Sudah tiba masanya balasan Allah akan turun kepada Qarun dan pengikutnya yang derhaka. Dengan sekali hentakan tongkat Nabi Musa ke tanah, bumi pun terbelah dua. Ia memisahkan kedudukan Nabi Musa serta orang mukmin dengan Qarun dan pengikutnya. Dalam suasana hiruk pikuk itu, tenggelamlah Qarun bersama orang derhaka ke dalam tanah oleh gempa bumi yang dahsyat. Harta-bendanya yang banyak dan mewah itu turut tenggelam ditelan bumi. Demikianlah berakhirnya riwayat Qarun sehingga tiada satu pun kemewahannya yang

Oleh itu, ramai ahli arkeologi Barat percaya bahawa harta karun itu wujud di muka bumi Mesir ini. Ada pendapat yang mengatakan harta Qarun yang ditelan, bertukar menjadi harta karun ‘hitam’ iaitu minyak.

tinggal melainkan lenyap dimakan tanah.

Jika anda menyaksikan sendiri keluasan tasik Qarun, akan terdetik di fikiran kita bahawa memang tiada manusia yang sekaya Qarun pada zaman ini. Cuba anda bayangkan kunci untuk segala gudangnya sahaja dibawa oleh berpuluh ekor unta. Tidak hairanlah jika Qarun berasa begitu takbur dan moga kita tidak diuji dengan keangkuhan jika diberikan nikmat rezeki menggunung.

Ketika Allah menenggelamkan Qarun bersama harta-bendanya kedalam perut bumi Mesir sebagaimana difirmankan:-

“Maka kami benamkanlah Qarun beserta rumahnya ke dalam bumi. Maka tidak ada baginya suatu golongan pun yang menolongnya terhadap azab Allah, dan tiadalah ia termasuk orang-orang (yang dapat) membela (dirinya).” Surah Al-Qasas, ayat 81

Adakah ini Istana Qarun (gambar) seperti yang diperkatakan? Ini bagaikan satu misteri, sedangkan harta Qarun terlalu banyak seperti yang diceritakan dalam al-Quran. Istana ini dikatakan mempunyai enam tingkat. Tiga tingkat di atas dan tiga tingkat di bawah telah tenggelam. Hanya tiga tingkat di atas sahaja yang masih ada. Menurut masyarakat di Mesir, sekitar kawasan istana ini pernah menjadi perkampungan kaum Firaun pada zaman dahulu kala. Apa yang membuatkan istana ini menjadi misteri kerana mengikut al-Quran, Istana Qarun tenggelam kesemuanya.

Beliau mati dalam keadaan kufur kepada Allah. Tertimbun dan tenggelam dengan harta benda bersama-sama pengikutnya di sebuah tanah di suatu kawasan yang terletak di daerah al-Fayoum, Mesir.

Oleh itu, ramai ahli arkeologi Barat percaya bahawa harta karun itu wujud di muka bumi Mesir ini. Ada pendapat yang mengatakan harta Qarun yang ditelan, bertukar menjadi harta karun ‘hitam’ iaitu minyak. Sememang benua Arab amat kaya dengan sumber petroleum yang mampu menampung keperluan penduduk dunia. Benar atau tidak, hanya Allah sahaja yang Maha Mengetahui apa sebenarnya yang berlaku pada harta Qarun itu.

Diharapkan apa yang terjadi kepada Qarun, menjadi satu iktibar kepada umat manusia di bumi Allah ini. Kekayaan yang dimiliki bersifat tidak kekal kerana ianya datang daripada Allah SWT. ■

PENULIS seorang Perisarah Kanan Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) dan perunding projek USIM Tjjarah Holding Sdn Bhd